

## Teori Semangat Kekitaan (*Assabiyah*) Ibnu Khaldun dan Pemartabatan Bahasa Melayu di Malaysia

Siti Nor Azhani Mohd Tohar<sup>1\*</sup>, Adlina Ab. Halim<sup>1</sup>, Ku Hasnita Ku Samsu<sup>1</sup> dan Hashim Musa<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor

### ABSTRAK

Ibnu Khaldun (1332-1406) dalam buku beliau, *Mukadimah* banyak membincangkan pengaruh semangat kekitaan dalam jatuh bangun sesebuah tamadun. Sehubungan itu, tujuan makalah ini adalah untuk membincangkan pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam pembinaan tamadun Malaysia melalui pengaplikasian teori semangat kekitaan atau '*assabiyyah*' yang diutarakan oleh Ibnu Khaldun. Bahasa Melayu perlu dimartabatkan kerana ia merupakan wadah penting dalam membina perpaduan seluruh masyarakat multietnik. Pengukuhan tamadun Malaysia bergantung kepada kejituan perpaduan rakyat multietniknya dan penerapan semangat kekitaan yang kukuh. Antaranya melalui satu bahasa kebangsaan sebagai identiti yang dikongsi bersama. Namun, untuk memartabatkan bahasa Melayu dalam situasi percampuran etnik ini bukan suatu yang mudah dan pelbagai cabaran perlu ditempuh. Justeru, pengaplikasian teori semangat kekitaan Ibnu Khaldun adalah penting dalam menangani cabaran ini.

*Kata kunci:* Bahasa Melayu, Ibnu Khaldun, multietnik, semangat kekitaan, tamadun Malaysia

### *Ibn Khaldun's Theory of Sense Belonging and Enhancing the Malay Language in Malaysia*

#### ABSTRACT

*Ibn Khaldun (1332-1406) in his book, The Muqaddimah discussed the influence of sense belonging in the rise and fall of a civilization. Hence, the purpose of this paper is to discuss about enhancing Malay language as the national language in Malaysian civilization through the application of the theory of sense belonging or*

#### INFO MAKALAH

*Pewasitan Makalah:*

Dihantar: 2 Mei 2014

Diterima: 4 Disember 2014

*E-mail:*

[azhanitohar@gmail.com](mailto:azhanitohar@gmail.com) (Siti Nor Azhani Mohd Tohar),

[adlina@upm.edu.my](mailto:adlina@upm.edu.my) (Adlina Ab. Halim),

[hasnita@upm.edu.my](mailto:hasnita@upm.edu.my) (Ku Hasnita Ku Samsu),

[mh\\_hashim@upm.edu.my](mailto:mh_hashim@upm.edu.my) (Hashim Musa)

*\*Penulis penghubung*

*'assabiyyah introduced by Ibn Khaldun. Malay language should be upheld because it is an important instrument in building multi ethnic society. To strengthen Malaysian civilization, it depends on the multi ethnic unity and the inculcation of the sense belonging through a national language as a shared identity. Yet, to uphold the Malay language in the situation of mixed-ethnic is not an easy task and many challenges need to be addressed. Thus, the application of Ibn Khaldun's theory of sense belonging is important in addressing this challenges.*

*Keywords: Malay language, Ibn Khaldun, multi ethnic, sense of belonging, Malaysian civilization*

---

## PENGENALAN

Ibnu Khaldun (1332-1406) ialah seorang sejarawan Islam dan bapa sosiologi<sup>1</sup> yang banyak memperkatakan ilmu ketamadunan. Ideologi Ibnu Khaldun bersandarkan penelitian kritikal beliau terhadap tamadun yang dibina oleh masyarakat Arab pada zamannya dan tidak bersandar kepada andaian semata-mata, sebaliknya merujuk kepada peristiwa sejarah yang pernah berlaku<sup>2</sup>. Menurut beliau, sejarah adalah berkenaan organisasi sosial manusia yang berkait rapat dengan sifat semula jadi peradaban. Antaranya ialah perasaan dalam satu golongan iaitu semangat kekitaan

---

<sup>1</sup> Menurut Syed Farid Alatas (2006) terdapat beberapa sarjana barat dalam abad ke-19 telah menggelar Ibnu Khaldun sebagai bapa sosiologi.

<sup>2</sup> Menurut Syed Farid Alatas (2012) Ibnu Khaldun menilai kemungkinan yang wujud daripada fakta sejarah dan peristiwa yang pernah berlaku melalui penganalisan beliau terhadap sifat manusia dalam masyarakat. Dalam hal ini, Ibnu Khaldun mewarisi tradisi Islam klasik yang menggunakan kaedah demonstrasi (*burhan*).

(*assabiyyah*) (Ibnu Khaldun, 2009, Rosenthal, 1986).

Selari dengan itu, Malaysia juga sedang mencipta sejarah menerusi organisasi sosialnya yang terdiri daripada masyarakat multietnik. Kepelbagaian masyarakat multietnik ini menyebabkan Malaysia sentiasa berusaha untuk memperkukuh satu semangat kekitaan yang dapat dikongsi dan dihayati bersama oleh seluruh rakyatnya. Walaupun Malaysia pernah menghadapi peristiwa 13 Mei 1969 yang menyaksikan perpecahan kaum antara Melayu dengan Cina namun, bahasa Melayu masih kekal sebagai bahasa kebangsaan untuk mewujudkan elemen sepunya yang dapat dikongsi bersama oleh seluruh rakyat Malaysia. Selain itu, sanjungan kepada bahasa Inggeris melebihi bahasa Melayu turut menyukarkan hasrat perlembagaan melaksanakan sepenuhnya Dasar Bahasa Kebangsaan. Oleh yang demikian, Malaysia dan masyarakat multietniknya perlu melihat kembali pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan melalui semangat kekitaan yang sama untuk memastikan bahawa Malaysia dapat membina kegemilangan tamadunnya.

## PERMASALAHAN DAN OBJEKTIF

Semenjak kemerdekaan, kerajaan Malaysia telah mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi untuk menyatupadukan rakyat yang terdiri daripada pelbagai etnik. Selain itu, bahasa Melayu dikekalkan sebagai bahasa kebangsaan dan kempen penggunaan bahasa Melayu dipertingkatkan, kesan daripada peristiwa 13 Mei 1969. Ini bertujuan agar rakyat lebih memahami peranan bahasa Melayu sebagai simbol jati diri kebangsaan dan sebagai pemersatu hubungan antara kaum.

Namun, bermula tahun 1990-an, kerajaan Malaysia telah mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris sebagai reaksi kepada arus globalisasi, terutamanya dalam institusi pendidikan negara. Antara langkah yang dilaksanakan kerajaan Malaysia ialah Dasar Liberalisasi Pendidikan dalam Era Globalisasi (1990-2000) yang menekankan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di kolej dan universiti, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Seksyen 17 (1) yang memberi kuasa kepada Menteri Pendidikan untuk mengecualikan mana-mana institusi pendidikan daripada menggunakan bahasa pengantar bahasa Melayu dan Akta IPTS 1996 Fasal 41 yang membenarkan penggunaan bahasa yang lain daripada bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar di IPTS (Hashim Musa, 2005; Suffean Hussin, 2009).

Justeru, sehingga kini soal memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, simbol jati diri, bahasa pengantar ilmu, bahasa pemersatuan dan bahasa kemajuan semakin dipinggirkan. Mengikut pandangan Jeniri (2009) dan Ismail Hussein (1985), semakin banyak individu, terutamanya dalam kalangan golongan elit Melayu yang mengabaikan tanggungjawab dalam menjaga maruah bahasa Melayu dan menghakis kedudukan bahasa Melayu sehingga menimbulkan krisis keyakinan masyarakat terhadap martabat bahasa Melayu itu sendiri. Isu ini diperkukuh dengan dapatan kajian lepas bahawa masyarakat masih mempunyai sikap negatif terhadap bahasa Melayu (Juriah Long, 2010; Mohd Noor Azli Ali Khan, *et al.*, 2011; Nor Hashimah Jalaluddin, *et al.*, 2010; Zulkifley Hamid, *et al.*, 2010).

Dalam konteks makalah ini, semangat kekitaan yang utuh antara masyarakat

multietnik di Malaysia amat diperlukan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan kerana satu bahasa yang dikongsi bersama mempamerkan kesatuan hati setiap anggota masyarakatnya.

Justeru, makalah ini bertujuan untuk menerangkan secara konseptual pemartabatan bahasa Melayu dalam pembinaan tamadun Malaysia melalui pengaplikasian teori semangat kekitaan yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini ialah kajian kepustakaan dengan mengkaji beberapa bahan ilmiah termasuk dua bahan ilmiah utama, iaitu buku *Mukadimah* yang dikarang oleh Ibnu Khaldun dan telah diterjemahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada tahun 2009 serta buku *The Muqaddimah: Abd Ar Rahman bin Mohammed Ibn Khaldun*, terjemahan bahasa Inggeris oleh Franz Rosenthal (1986). Dua buku ini dirujuk sebagai sumber utama memandangkan buku ini ialah terjemahan daripada buku asal *Mukadimah* oleh Ibnu Khaldun dalam bahasa Arab. Walau bagaimanapun, bahan ilmiah lain turut dikaji sebagai bahan sokongan.

## TEORI SEMANGAT KEKITAAN IBNU KHALDUN

Ibnu Khaldun ialah seorang sejarawan yang meneliti sesebuah tamadun melalui fakta sejarah yang pernah berlaku. Hasil pemikiran kritikal beliau dapat mengungkap ilmu ketamadunan yang relevan dari zaman kehidupannya sehingga pada masa sekarang. Walaupun perbincangan beliau banyak tertumpu kepada tamadun bangsa Arab namun, didapati pandangan yang dibawa

melalui karyanya, *Muqaddimah* merupakan hasil kerja yang bermutu, relevan dan dapat diterjemahkan untuk hampir keseluruhan tamadun yang terbina (Toynbee, 1962; Sarton, 1975).

Ibnu Khaldun telah mengemukakan model tiga tahap perkembangan tamadun, iaitu i) tahap awal atau kelahiran yang dicirikan oleh perasaan kekitaan untuk memenuhi keperluan asas, ii) tahap kehidupan bertamadun yang dicirikan oleh kelahiran sistem berkerajaan yang melahirkan golongan pemerintah yang berbeza kehidupan mereka daripada rakyat jelata, kemudiannya disusuli oleh pertumbuhan bandar. Walau bagaimanapun, kelas pemerintah akan dibuai dengan kemewahan dan perasaan semangat kekitaan dalam kalangan rakyatnya menjadi lemah, dan iii) tahap lemah atau kejatuhan yang disebabkan oleh peningkatan kemewahan dan kelunturan semangat kekitaan seterusnya membawa kepada perpecahan politik dan ekonomi (Muhsin Mahdi, 1957; Wan Hashim Wan Teh, 1997). Ibnu Khaldun begitu menekankan semangat kekitaan yang kuat dalam kabilah padang pasir yang datang menawan bandar yang telah lemah semangat kekitaan. Seterusnya, kumpulan kabilah ini membina tamadun di tempat tawanannya dan mencapai tahap penyelesaian serta menikmati kemewahan. Akibat daripada penyelesaian dan kemewahan ini, semangat kekitaan kabilah yang kuat ini akan pudar. Apabila keadaan ini terjadi, bandar tersebut akan terdedah untuk ditawan pula oleh kabilah padang pasir lain yang masih mempunyai semangat kekitaan yang lebih kuat. Inilah yang berlaku seterusnya secara kitaran dan menentukan jatuh bangunnya sebuah tamadun yang dipengaruhi oleh semangat kekitaan yang dimiliki oleh bangsa tamadun

tersebut (Darling, 2007; Syed Farid Alatas, 2011).

Ini menunjukkan bahawa Ibnu Khaldun begitu mengekspresikan kehebatan atau kekuatan semangat kekitaan yang dapat menentukan jatuh bangun sesebuah tamadun. Antara asas utama dalam teori jatuh bangunnya sesebuah tamadun dan sumbangan utama dalam analisis Ibnu Khaldun ialah semangat kekitaan (S. F. Alatas, 2006; Darling, 2007). Semangat kekitaan wujud dalam tiga keadaan iaitu, i) semangat kekitaan yang didasari oleh pertalian darah, ii) individu yang menerima dan mengamalkan semangat kekitaan kaum tempat menetapnya yang baru setelah meninggalkan kaum asalnya, dan iii) semangat kekitaan yang didasari hubungan hamba abdi dan hubungan untuk mendapatkan perlindungan (Dhaouadi, 1997). Namun, semangat kekitaan yang dibincangkan oleh Ibnu Khaldun bukan sepenuhnya didasari oleh pertalian darah atau kekeluargaan. Ia turut didasari oleh faktor keagamaan kerana agama berfungsi mengukuhkan lagi solidariti (Muhsin Mahdi, 1957; Syed Farid Alatas, 2011). Seterusnya, semangat kekitaan ini terbina dan merujuk kepada perasaan kumpulan, perpaduan sosial, sentimen masyarakat, sayang-menyayangi dan kerjasama yang erat dan baik. Kesemua ciri ini ialah perkara asas dalam kerjasama antara ahli masyarakat sesebuah negara yang berkongsi budaya, agama dan praktis sosial yang sama. Apabila hubungan yang rapat ini berlaku, semangat saling bantu-membantu, berkorban sehingga sanggup mati untuk mempertahankan satu sama lain akan wujud (Al-Roubaie, 2009).

Walaupun semangat kekitaan yang dibincangkan oleh Ibnu Khaldun amat menekankan semangat kekitaan yang

didasari oleh pertalian darah, namun menurut Al-Roubaie (2009) masyarakat moden kini yang bersifat heterogenus iaitu mempunyai kepelbagaian etnik, agama dan budaya dalam sesebuah masyarakat atau negara dapat mengaplikasikan ciri semangat kekitaan yang dibincangkan oleh Ibnu Khaldun. Walaupun tidak mempunyai pertalian darah atau kaum yang sama dalam satu-satu kawasan namun, ciri semangat kekitaan yang dibincangkan dalam teori semangat kekitaan Ibnu Khaldun iaitu sayang-menyayangi, bantu-membantu, hormat-menghormati, kepatuhan kepada pemimpin dan undang-undang, sanggup berkorban demi negara dan bangsa serta berani mengajukan saranan untuk kebaikan bersama boleh dibentuk untuk menyatukan semua kaum yang pelbagai dalam satu acuan kebangsaan yang sama.

Justeru, dalam situasi masyarakat moden sekarang, semangat kekitaan sebagaimana yang ditekankan oleh Ibnu Khaldun, perlu diambil kira walaupun tamadun yang ingin dibina terdiri daripada pelbagai kaum yang berlainan pertalian darah. Sekiranya individu dalam sesebuah tamadun itu mempunyai kesedaran untuk membangunkan negaranya, individu tersebut perlu menyemai kecintaan kepada negara yang boleh digerakkan melalui satu semangat kekitaan yang dikongsi oleh semua kaum yang ada dalam tamadun tersebut.

### **PERANAN BAHASA MELAYU SEBAGAI WADAH PEMBINAAN TAMADUN MALAYSIA**

Tahap paling minimum sesebuah tamadun perlu mempunyai bahasa dan tulisan yang merupakan antara salah satu ciri asasnya kerana bahasa merupakan wadah dan

wahana ketamadunan serta ketamadunan dicorakkan serta diwarnai oleh sistem bahasanya (Hashim Musa, 2010; Wan Hashim Wan Teh, 1997). Justeru, bahasa berperanan sebagai identiti dan penegak sesebuah tamadun (A. Aziz Deraman, 2010; Hashim Musa, 2005; Juriah Long, 2008). Ini menunjukkan bahawa bahasa merupakan elemen penting dalam sesebuah tamadun. Manusia yang berperanan sebagai penggerak tamadun perlu saling berinteraksi antara satu sama lain dalam sistem sosial, akan berinteraksi melalui satu bahasa yang saling difahami antara satu sama lain.

Sehubungan itu, rakyat Malaysia yang mempunyai pelbagai bahasa yang dimiliki oleh 67.4% bumiputera Melayu, Sabah & Sarawak, 24.6% Cina, 7.3% India dan 0.7% etnik lain-lain (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010) menghadapi cabaran utama ke arah menggunakan satu bahasa semasa berinteraksi. Untuk itu, penentuan satu bahasa yang dapat dikongsi bersama oleh semua etnik di Malaysia telah dinyatakan dalam Perlembagaan Malaysia Perkara 152 (1), bahawa:

*“Bahasa kebangsaan adalah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang Parlimen”.*

Perkara 152(1) ini telah memperuntukkan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan. Bahasa Melayu dipilih kerana ia sebahagian daripada kontrak sosial dan unsur tradisi dalam Perlembagaan (Asmah, 1989; Nazri Muslim & Abdul Latif Samian, 2012). Ini secara langsung memudahkan kefahaman dan mengelakkan

penyaltafshiran dalam interaksi pelbagai etnik seterusnya dapat membina perpaduan yang diidam-idamkan<sup>3</sup>.

Sehubungan itu, keperluan satu bahasa kebangsaan yang menjadi bahasa pertuturan umum dan bahasa rasmi negara disadari penting dalam membina tamadun Malaysia. Perpaduan akan wujud apabila anggota masyarakat dapat disatukan melalui perkongsian bahasa kebangsaan yang berperanan sebagai simbol identiti kebangsaan, penanda kerakyatan, wahana pengungkapan etos kebangsaan, alat penyatuan dan instrumen kemajuan rakyat dan negara (Teo Kok Seong, 2010). Melalui satu bahasa yang dikongsi secara bersama oleh masyarakat multietnik dapat melambangkan identifikasi tamadun Malaysia.

Sehubungan itu, keperluan untuk menetapkan satu bahasa kebangsaan adalah penting untuk menyatupadukan rakyat pelbagai asal keturunan dan bahasa pertuturan (Nazaruddin Mohd Jali, *et al.*, 2003). Peristiwa 13 Mei 1969 dianggap telah memberikan kesedaran kepada kerajaan tentang kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa pemersatu (Juriah Long, 2008). Untuk itu, bahasa adalah antara faktor utama dalam membangunkan tamadun Malaysia yang didiami oleh masyarakat multietnik pelbagai bahasa. Kepelbagaian bahasa ini tidak memungkinkan penyatuan antara kaum kerana interaksi antara mereka sukar

<sup>3</sup> Walau bagaimanapun menurut Shamsul Amri Baharuddin (2011) bahawa 'acuan Malaysia' sebenarnya telah dibentuk oleh 'kesepaduan dalam kepelbagaian' (*cohesion in diversity*) dengan destinasi terakhirnya *unity in diversity* atau perpaduan nasional. Dalam kata lain, 'perpaduan' yang kita idamkan itu masih dalam bentuk *work-in-progress* yang tidak boleh dihitungkan dan dinilai dengan nombor kaku.

berlaku melalui bahasa yang saling tidak difahami antara satu sama lain. Jelaslah bahawa peranan bahasa kebangsaan dapat merapatkan jurang antara kaum. Apabila berlakunya interaksi melalui satu bahasa yang dikongsi dan difahami, terbinalah perpaduan yang utuh seterusnya saling bekerjasama membangunkan tamadun Malaysia.

Justeru, melalui bahasa, tertegaknya tamadun yang didasari oleh ikatan semangat kebangsaan yang saling dikongsi oleh seluruh warganegara yang terdiri daripada pelbagai etnik. Penyatuan dan perpaduan melalui satu bahasa ini dapat menggalakkan interaksi antara mereka.

#### **PENGAPLIKASIAN TEORI SEMANGAT KEKITAAN IBNU KHALDUN DALAM MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU DI MALAYSIA**

Ibnu Khaldun menegaskan bahawa sesebuah tamadun yang dihuni oleh masyarakat multietnik perlu mempunyai satu semangat kekitaan yang dapat menyatukan semua semangat kekitaan berasaskan etnik yang ada dalam tamadun tersebut. Ini supaya tamadun yang dibina ialah tamadun yang dapat bertahan dan seterusnya mencapai kegemilangan. Justeru, penetapan kepada semangat kekitaan yang satu amat penting dalam menyatukan semangat kekitaan yang pelbagai. Seperti yang disebut dalam buku beliau,

*“Sesebuah kerajaan jarang sekali dapat ditegakkan di tempat yang didiami oleh banyak suku dan kumpulan sebabnya ialah di tempat itu terdapat pelbagai perbezaan daripada segi pandangan dan keinginan. Di belakang setiap pandangan dan keinginan*

*itu perasaan sesama kita yang menyokongnya. ...satu daripada pelbagai perasaan kekitaan puak-puak itu seharusnya lebih menonjol daripada yang lain demi membawa mereka berkumpul untuk lebih menonjol daripada yang lain-membawa mereka berkumpul, untuk menyatupadukan mereka dan mengikat mereka ke dalam perasaan kekitaan yang satu... Semua kumpulan yang pelbagai itu dengan demikian akan berada di bawah naungan perasaan kekitaan yang lebih berpengaruh” (Ibnu Khaldun, 2009, Rosenthal, 1986).*

Wacana dan idea Ibnu Khaldun ini selari dengan senario di Malaysia. Dalam konteks tamadun Malaysia yang dianggotai oleh masyarakat multi-etnik, setiap etnik mempunyai semangat kekitaan berasaskan etnik masing-masing. Selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957, kerajaan telah mengisytiharkan Perlembagaan Tanah Melayu yang kini dikenali sebagai Perlembagaan Malaysia sebagai undang-undang tertinggi negara. Pembentukan Perlembagaan Malaysia dilihat sebagai satu usaha untuk membentuk satu acuan yang dikongsi bersama oleh seluruh masyarakat multi-etnik. Unsur tradisi dalam perlembagaan seperti agama Islam, Raja, bahasa Melayu dan hak keistimewaan orang Melayu telah disepakati bersama oleh semua pemimpin Melayu, Cina dan India pada ketika itu. Perlembagaan Malaysia bukan sekadar satu dokumen perundangan malahan ia merupakan kontrak sosial dan perjanjian perdamaian antara etnik-etnik yang ada di Malaysia (Ahmad Ibrahim & Ahilemah Jones, 1992). Justeru, Perlembagaan Malaysia memperuntukkan

Perkara 3(1) tentang agama Islam sebagai agama rasmi, Perkara 152 tentang bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, Perkara 153 tentang kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak serta perkara 38 tentang kuasa Majlis Raja-raja. Hal ini dilihat sebagai satu kontrak perundingan murni yang dikongsi bersama oleh semua etnik. Justeru, peruntuk Perkara 152 tentang bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan memperlihatkan peranan bahasa sebagai salah satu elemen penting bagi memupuk semangat kekitaan antara semua kaum.

Maka, seluruh rakyat akan bersatu dengan satu bahasa yang sama dan seterusnya semangat kekitaan yang dikongsi bersama juga dapat terbentuk. Begitu juga sebaliknya, melalui semangat kekitaan yang dikongsi bersama maka, mereka akan menyanjungi dan meluhuri apa yang telah digariskan dalam perlembagaan termasuk mengenai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Ini merupakan proses timbal balik yang saling memberi keuntungan antara kepada bahasa kebangsaan dan semangat kekitaan.

Sehubungan itu, semangat kekitaan berkait rapat dengan pemartabatan bahasa Melayu. Semangat kekitaan yang kuat untuk meluhuri perlembagaan Malaysia dapat memberi impak untuk warga Malaysia memartabatkan bahasa Melayu dengan rela dan bersatu hati melalui semangat mencintai dan menyayangi bahasa ini. Antara elemen sepunya yang perlu dimiliki oleh rakyat Malaysia dalam membentuk satu bangsa ialah bahasa kebangsaan (Hashim Musa, 2010).

Oleh itu, bahasa Melayu yang ditetapkan sebagai bahasa kebangsaan bukan hanya dimiliki oleh bangsa Melayu namun ia adalah milik seluruh rakyat multi-etnik di

Malaysia. Penerimaan bahasa kebangsaan ini merupakan tanda kesetiaan warga Malaysia terhadap tanah airnya, sebagaimana Drake (1981) mengatakan bahawa salah satu mekanisme yang perlu ada dalam integrasi nasional ialah mekanisme sosio budaya iaitu, kesetiaan nasional yang dapat mengatasi masalah kesetiaan etnik.

Seterusnya, sejarah kegemilangan Melaka dapat dijadikan sandaran untuk mengulangi pemartabatan bahasa Melayu pada masa ini. Bahasa Melayu telah digunakan oleh pedagang luar dan mubaligh yang datang bagi urusan perdagangan dan penyebaran agama di Melaka. Pegawai British yang dihantar ke Tanah Melayu turut perlu mempelajari bahasa ini terlebih dahulu. Hubungan diplomatik antara Kerajaan-kerajaan Melayu dengan negara luar termasuk Barat turut menggunakan bahasa Melayu sebagai medium komunikasi. Contohnya, surat daripada Sultan Muhammad Jiwa Mu'adzam Shah kepada Francis Light bertarikh 29 Oktober 1773 & surat daripada Sultan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Ahmad, Sultan Terengganu kepada Major Matt W.T.Taylor M.J Kolenal Sekretari di Singapura bertarikh 20 Oktober 1903 ditulis dalam bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi. Semenanjung tanah Melayu merupakan teras bahasa Melayu sejak dahulu lagi dan bukan hanya dituturkan dalam kalangan orang Melayu malahan sesiapa saja yang berada dan berurusan di tanah Melayu (Asmah, 2008).

Ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu dimartabatkan oleh golongan bangsawan dan terbukti dapat memakmurkan bumi Melaka. Pada waktu itu, Melaka telah dihuni oleh penduduk yang terdiri daripada pedagang Cina dan India. Mereka disatukan di bawah satu bahasa yang sama iaitu,

bahasa Melayu melalui semangat kekitaan yang kuat antara mereka.

Oleh yang demikian, perbincangan Ibnu Khaldun tentang semangat kekitaan dalam masyarakat multietnik sesebuah tamadun selari dengan senario di Malaysia. Justeru, ciri semangat kekitaan seperti yang dibincangkan oleh Ibnu Khaldun iaitu sayang-menyayangi, bantu-membantu dan saling hormat-menghormati dapat dijadikan sandaran untuk memupuk perpaduan dalam masyarakat multietnik. Manakala, bagi ciri semangat kekitaan tentang kepatuhan kepada pemimpin dan undang-undang dapat dilaksanakan apabila semua etnik dapat bersatu hati menghormati Perlembagaan Malaysia yang merupakan sumber perundangan utama negara. Ini seperti mana yang dibincangkan oleh Muhsin Mahdi (1957) bahawa semangat kekitaan juga dapat disatukan melalui kepatuhan kepada perundangan. Apabila hati telah disatukan maka, semua rakyat akan sanggup berkorban demi negara dan bangsa. Apabila perasaan ini wujud, rakyat akan bersatu hati untuk bekerjasama membangunkan negara yang dapat memberi keuntungan secara menyeluruh.

Atas iktibar ini, seluruh rakyat Malaysia harus memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan kerana ia milik seluruh warganegara Malaysia selagi mana setiap warganegara ini dengan rela hati menerapkan semangat kekitaan yang sama berlandaskan kerangka Perlembagaan Malaysia.

## **PENUTUP**

Teori semangat kekitaan Ibnu Khaldun amat relevan untuk diaplikasikan dalam senario masyarakat multietnik di Malaysia untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Semangat

kekitaan yang satu dapat diterapkan melalui Perlembagaan Malaysia yang telah menggariskan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Pemertabatan bahasa Melayu dapat dipertingkatkan apabila rakyat Malaysia multietnik meluhuri Perlembagaan Malaysia sebagai cerminan nasionaliti mereka. Apabila seluruh rakyat multietnik di Malaysia mempunyai semangat kekitaan yang satu melalui perkongsian bahasa yang sama, maka perpaduan yang berlaku berbentuk jangka panjang dan kemajuan yang akan dikecapi adalah secara menyeluruh. Tamadun Malaysia yang terbina melalui semangat kekitaan yang kuat dapat melahirkan masyarakat yang ikhlas yang berkongsi satu bahasa yang sama, dan justeru membina jambatan perpaduan yang dapat membangunkan, dan berdaya untuk menangkis anasir luar daripada menjadi kecaman kepada tamadun Malaysia.

## BIBLIOGRAFI

- A. Aziz Deraman (2010). *Wacana Peradaban Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Al-Roubaie, A. (2009). Ibn Khaldun's Concept of '*Asabiyyah*: A Solution to Contemporary Problems in Muslim Societies. Dlm. Osman Bakar & Baharudin Ahmad (Eds.), *Proceedings of International Conference Ibn Khaldun's Legacy and Its Significance* (ms. 319-350). Kuala Lumpur: ISTAC, IIUM.
- Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned (1992). *Sistem Undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (1989). *Perancangan Bahasa dengan Rujukan Khusus kepada Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Darling, L. T. (2007). Social Cohesion ('*Asabiyya*) and Justice in the Late Medieval Middle East. *Comparative Studies in Society and History*, 49(2), 329-357.
- Dhaouadi, M. (1997). *New Explorations Into The Making Of Ibn Khaldun's Umran Mind*. (Kuala Lumpur: A.S Noordeen).
- Drake, C. (1981). *The Geography of National Integration; A Case Study of Indonesia*. University Microfilms International. Michigan: Ann Arbor.
- Hashim Musa (2005). *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia: Menghadapi Globalisasi Barat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_. (2010). *Pemeriksaan dan Integrasi Masyarakat Malaysia melalui Bahasa Melayu*. Dlm. Adi Yasran, Noor Aina Dani, Jama'yah Zakaria & Abdul Nassir Said (Eds.). *Prosiding Seminar Antarabangsa Psikolinguistik II 2010* (ms.268-278). Selangor: UPM dan PERSIMA.
- Ibn Khaldun (2009). *Mukadimah*. Terjemahan Dewan Bahasa & Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Khaldun (1986). *The Muqaddimah*. Terjemahan Franz Rosenthal. London: Routledge & Kegan Paul.
- Ismail Hussein (1985). *Elit Melayu dan Masalah Bahasa Melayu*. Dlm. *Dewan Bahasa*, November.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2010). *Carta Taburan Peratus Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik, Malaysia, 2010*. Dicapai di <http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?view=article&catid=130%3Apopulation-distribution-and-basic> pada 20 September 2012.
- Jeniri Amir (2009). *Bahasa, Negara dan Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Juriah Long (2008). *Pendidikan Bahasa Melayu: Antara Hasrat dengan Perlaksanaan*. Bangi: Penerbit UKM.
- \_\_\_\_\_. (2010, 11 &12 Disember 2010). *Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Perpaduan Bangsa Dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan: Antara Hasrat & Realiti*. Kertas yang dibentangkan di Persidangan Nasional Paradigma Baru Perpaduan Bangsa, Hotel Grand Season, Kuala Lumpur.
- Mohd Noor Azli Ali Khan, Norhayati Salleh & Shatira Mohd Zaini (2011). *Penggunaan Bahasa*

- Melayu dalam laporan Tahunan Medium Perpaduan Nasional di Malaysia. Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional pada 14-15 Disember 2011 di Hotel Seri Pacific KL.
- Muhsin Mahdi (1957). *Ibn Khaldun's Philosophy of History*. London: George Allen and Unwin Ltd.
- Nazaruddin Mohd Jali, Ma'rof Redzuan, Asnarulkhadi Abu Samah & Ismail Mohd Rashid (2003). *Pengajian Malaysia: Kenegaraan Dan Kewarganegaraan Edisi Kedua*. Selangor: Prentice Hall.
- Nazri Muslim & Abdul Latif Samian (2012). Tahap Penerimaan Pelajar terhadap Peruntukan Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 30(1), 3-27.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan & Zaharani Ahmad (2010). Sosiokognitif Pelajar Remaja Terhadap Bahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies* 10(3), 67-87.
- Sarton, G. (1975). *Introduction to the History of Science Volume III: Science and Learning in the Fourteenth Century*. New York: Robert E. Krieger Publishing Company.
- Shamsul Amri Baharuddin (2011). *Kesepaduan Dalam Kepelbagaian: Perpaduan Di Malaysia Sebagai Work-In-Progress*. Bangi: Penerbit UKM.
- Suffean Hussin (2009). *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia: Teori dan Analisis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Syed Farid Alatas (2006). Ibn Khaldun and Contemporary Sociology. *International Sociology*, 21(6), 782-795.
- \_\_\_\_\_. (2011). Ibn Khaldun. Dlm. Ritzer, G. & Stepnisky, J. *Major Social Theorists Volume 1: Classical Social Theorists*. West Sussex: Wiley-Blackwell.
- \_\_\_\_\_. (2012). *Ibn Khaldun*. India: Oxford University Press.
- Teo Kok Seong (2010, 11 & 12 Disember 2010). *Lokus Bahasa Melayu dalam Gagasan 1 Malaysia: Alat Perpaduan Bangsa Dan Kemajuan Negara*. Kertas yang dibentangkan di Persidangan Nasional Paradigma Baru Perpaduan Bangsa, Hotel Grand Season, Kuala Lumpur.
- Toynbee, A. J. (1962). *A Study of History, vol. III*. New York: Oxford University Press.
- Wan Hashim Wan Teh (1997). Tamadun Melayu dan Pembinaan Tamadun Abad ke 21. Dlm. Ismail Hussein, Wan Hashim Wan Teh dan Ghazali Shafie. *Tamadun Melayu Menyongsang Abad kedua puluh satu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Zulkifley Hamid, Rahim Aman & Karim Harun (2010). Sikap Terhadap Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes di Pantai Timur Semenanjung. *Jurnal Melayu*, 5, 163-176.